



Received: 2023-10-06

Accepted: 2023-11-27

Published: 2023-12-30

Original Article

## Perbandingan Fatwa Perkahwinan Beza Agama Antara Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Dengan Majlis Ulama Indonesia Dari Perspektif Maqasid Shari'ah

*(Comparison of Interfaith Marriage Fatwas Between the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia and the Indonesian Council of Ulama from the Perspective of Maqasid Shariah)*

Abdul Hakim<sup>a</sup> Ridzwan Ahmad<sup>b\*</sup> & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Calon PhD, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>b</sup> Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

\* Corresponding author, email; [ridzwan@um.edu.my](mailto:ridzwan@um.edu.my)

### ABSTRACT

Interfaith marriage is not a new issue among Muslims. Yet, it has not been fully addressed due to differences in scholarly views. As a result of intermingling of Muslims with non-Muslims, interfaith marriages are difficult to avoid, which if not controlled, may lead to such marriages taking place against the true teachings of Islam. This study was a comparative study of the following three contexts: the background of interfaith marriages in Malaysia and Indonesia; haram and conditional fatwas between the fatwas of the National Council for Islamic Affairs of Malaysia and the Indonesian Ulema Council from the perspective of *maqasid shariah* and finally, the influence of both fatwas on the practice of interfaith marriages in Malaysia and Indonesia. Data collection was done through documentation and comparative methods, while data analysis was through descriptive qualitative methods using *maqasid shariah* as the main yardstick. The results of this study showed that fatwa of the Indonesian Ulema Council is more in conformity with *maqasid al-shariah* from the point of view of preserving religion and lineage compared to the fatwa of the National Council of Malaysia, which allows conditional interfaith marriages, as in the *kitabiah* descendants of Prophet Yaqub AS. Hence, from the implementation outlook, the fatwa of the National Council of Malaysia is more effective. The acts and laws regulating interfaith marriages in Malaysia are based on specific legal provisions while there are no rulings from the Indonesian Ulema Council. It is hoped that with the fatwa on interfaith marriage, lineage and Islam under *al-kulliyat al-khams* for generations of Muslims in Malaysia and Indonesia, will be preserved and the strength of Muslims in various fields will be revitalised.

**Keywords:** Laws for Interfaith Marriages; Maqasid Shariah; National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia & Indonesian Ulema Council & Islamic Laws.

## Pendahuluan

Permasalahan perkahwinan beza agama masih menjadi perdebatan dalam kalangan ulama sama ada ulama klasik mahupun moden. Sebahagian golongan mengharuskan perkahwinan ini berdasarkan nas-nas Syarak dan tafsiran para ulama terhadap nas berkaitan.<sup>1</sup> Sebahagian lain pula mengharamkan perkahwinan beza agama juga berdasarkan nas-nas Syarak serta kemaslahatan tertentu. Secara tekstual dalam al-Qur'an terdapat sekurang-kurangnya tiga ayat yang secara khusus membincangkan perkahwinan orang muslim dengan bukan muslim, iaitu *surah al-Baqarah* (2): 221, *surah al-Mumtahanah* (60): 10, dan *surah al-Maidah* (5): 5. Dalam ayat yang pertama, al-Qur'an melarang seseorang muslim berkahwin dengan seseorang *mushrik*, sama ada lelaki muslim berkahwin dengan wanita *mushrik*, mahupun sebaliknya. Dalam ayat kedua, al-Qur'an melarang wanita mukminat berkahwin dengan lelaki kafir mahupun sebaliknya, iaitu larangan lelaki kafir menikah dengan wanita muslimat. Sementara pada ayat yang ketiga, al-Qur'an mengharuskan lelaki muslim menikahi wanita ahli kitab dan melarang wanita-wanita muslimah berkahwin dengan lelaki bukan muslim sama ada Yahudi atau Kristian.

Negara Malaysia melalui Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah bersetuju dalam persidangan berasingan yang diadakan pada 14 Julai 1977 dan 14 Mei 1980 serta peruntukan seksyen 2 enakmen undang-undang keluarga Islam negeri kecuali negeri Pahang, Perak dan Sarawak, untuk menerima pakai pandangan mazhab Shafii dalam tafsiran kitabiyah<sup>2</sup>. Manakala Negara Indonesia melalui Lembaga Fatwa Anggota Majlis Ulama Indonesia telah mengeluarkan Fatwa dalam Mushawarah Nasional II tanggal 11-17 Rajab 1400 H/26 Mei- 1 June 1980 M dan fatwa MUI Nomor: 4/Munas VII/MUI/8/2005 tentang Perkahwinan Beza Agama pada tanggal 28 Juli tahun 2005 tentang larangan perkahwinan beza agama<sup>3</sup>. Fatwa tersebut menegaskan bahawa (1) perkahwinan seorang wanita Islam dengan lelaki bukan Islam adalah haram; (2) lelaki Islam dilarang berkahwin dengan perempuan bukan Islam<sup>4</sup> sama ada *kitabiyah*<sup>5</sup> atau Kristian.

Persoalannya adakah perempuan *kitabiyah* di Nusantara<sup>6</sup>? Di Nusantara hampir mustahil untuk mencari *kitabiyah* yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam tafsiran

<sup>1</sup> Al-Qurtubi, *al-Jami' li ahkam al-Quran*, Juzuk: 3, (Damshiq: Dār al-Risālah al-'Ālamīyah, 2012), 68

<sup>2</sup> Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Al. *Kitabiyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 34(2), 261-276. [http://doi.org.10.37052/kanun.34\(2\)No4](http://doi.org.10.37052/kanun.34(2)No4). JULAI 2022. 263-264

<sup>3</sup> Ma'ruf Amin DKK, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*, (Jakarta: Erlangga 2011), 477.

<sup>4</sup> Muhammad Atho Mudzhar, *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam Di 1975-1988*, (Jakarta INIS, 1993), 99.

<sup>5</sup> Ahli Kitab ialah golongan yang tidak beriman kepada Nabi Muhammad saw iaitu menolak tauhid dan ibadah yang dibawa baginda. Mereka yang beriman dengan kenabian secara umum, akan beriman dengan Nabi Muhammad saw. Faktor yang menyebabkan mereka menolak Islam ialah samada ketiadaan maklumat yang mencukupi terhadap hakikat risalah yang dibawa oleh Nabi ataupun penentangan dan keingkaran mereka secara zahir dalam situasi mereka meyakini kebenarannya. Lihat Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir Al-Manar*, (Beirut: Dar alKutub al-Ilmiyyah 1947) 284.

<sup>6</sup> Dalam arti yang lebih luas, Nusantara dalam bahasa modern meliputi Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand Selatan, Filipina, Brunei Darussalam, Timor Leste (atau Timor Timur, Leste berasal dari bahasa Portugis yang berarti "Timur"), Taiwan, dan Papua Indonesia tidak termasuk Papua Nugini. Lihat, Nusantara, Accessed June 17, 2023.

<https://id.wikipedia.org/wiki/Nusantara#:~:text=Dalam%20arti%20yang%20lebih%20luas,%E2%81%A0%E2%80%944tidak%20termasuk%20Papua%20Nugini>.

tersebut. Hal ini berdasarkan susur galur sejarah kedatangan agama Islam dan Kristian di Malaysia atau Tanah Melayu. Agama Islam tiba di Tanah Melayu bermula dari abad ketujuh melalui pedagang Arab, Parsi dan Turki.<sup>7</sup> Seterusnya, diikuti oleh orang Portugis yang mula memperkenalkan fahaman Katolik pada tahun 1511, dan orang Belanda yang membawa fahaman Protestan pada akhir abad ke-17.<sup>8</sup>

Di Indonesia Gerakan Liberal pula cuba melakukan ijtihad tersendiri iaitu mentafsirkan kembali teks al-Quran yang dianggap mereka jumud dan tidak memenuhi piawaian yang sesuai terhadap situasi yang mengharuskan nikah beza agama sama ada lelaki muslim atau bukan Islam kahwin dengan perempuan muslimah atau bukan muslimah<sup>9</sup>. Mereka cuba memperkenalkan konsep perkahwinan antara agama (*nation of interfaith marriage*) dalam Islam atau ditakrifkan sebagai penyatuan dua fahaman kepercayaan agama yang berbeza melalui perkahwinan. Istilah ini digunakan secara bergantian dengan perkahwinan campur<sup>10</sup>. Di Malaysia walaupun perkahwinan beza agama belum lagi kelihatan berlaku namun tidak mustahil ianya boleh terjadi secara senyap disebabkan fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia tidak membenarkan kecuali dengan syarat yang ketat.

Secara dasarnya kajian ini merupakan kajian perbandingan fatwa di antara Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dengan Majlis Ulama Indonesia terhadap hukum perkahwinan beza agama dari perspektif *maqasid shariah*. Seterusnya implikasi kedua-dua fatwa tersebut akan dijadikan fokus utama kajian ini. Ini kerana perkahwinan beza agama melibatkan pemeliharaan terhadap keturunan dan agama yang berada di bawah *al-kulliyat al-khams* (kepentingan lima perkara utama). Dari sudut yang lain pula kedua-dua organisasi ini walaupun mempunyai hukum yang hampir sama namun kaedah pengeluaran fatwa dan pemakaian fatwa tersebut masih terdapat perbezaan di antara satu sama lain disebabkan undang-undang, polisi dan komuniti rakyat masing-masing.

### **Latarbelakang Perkahwinan Beza Agama di Malaysia dan Indonesia**

Perkahwinan beza agama sebagai fakta sosial, bukan lagi menjadi isu baru bagi semua elemen masyarakat di Nusantara khususnya di Malaysia dan Indonesia, kerana perkahwinan beza agama telah menjadi salah satu permasalahan sosial masyarakat<sup>11</sup> sejak zaman berzaman. Perkahwinan beza agama wujud sejak Nabi Muhammad SAW diutuskan menjadi seorang Rasul lagi. Ia terjadi melalui anak dari Muhammad SAW sendiri iaitu Zainab binti Muhammad putri pertama Rasulullah SAW bersama isteri baginda Khadijah binti Khuwaylid. Pasangan ini berkahwin 15 tahun sebelum Muhammad Saw diutus oleh Allah SWT. Sebagai Rasul. Zainab sendiri lahir 10 tahun sebelum Islam dan dinikahkan oleh ayahnya dengan Abū al-‘Āṣ ibn al-Rabī’ yang tidak lain masih saudara sepupu Zainab sendiri, putera dari adik Khadijah iaitu Halah binti Khuwaylid.<sup>12</sup>

<sup>7</sup> Badri Yatim, *Sejarah Peradaban Islam*, (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 1993), 192.

<sup>8</sup> Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Ali, *Kitabiyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*, 264

<sup>9</sup> Bustomi Arisandi, Junaidi, Moh. Sholeh, *Implikasi Tafsir Ayat Kawin dan Waris Beda Agama Perspektif Islam Liberal*, al-Thiqah : Jurnal Ilmu Keislaman Vol. 4 No. 1 April 2021, 61

<sup>10</sup> Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Ali. *Kitabiyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*, 264

<sup>11</sup> Aulil Amri, *Perkawinan Beda Agama Menurut Hukum Positif dan Hukum Islam*, Media Syari'ah, Vol. 22, No. 1, 2020, 50.

<sup>12</sup> Menurut sejarah perkahwinan tidak dilakukan berdasarkan ajaran shariah yang dialngsukan sebelum agama islam dating dan mereka mempunyai dua anak iaitu Ali dan Umamah. *Ibid.*

Perkahwinan ini terjadi sebelum Islam. Meskipun sebelum Islam, perkahwinan mereka merupakan bentuk perkahwinan sebagaimana yang kemudian dibenarkan oleh Islam<sup>13</sup>.

Setelah Rasulullah SAW menerima wahyu kemudian Zainab segera masuk Islam, sementara suaminya, Abul Ash bin al-Rabi' enggan menerima Islam sebagai agama baharunya. Bermula dari saat tersebut dapat dinyatakan bahawa nikah beza agama memang bukan hal baharu dalam Islam. Bahkan banyak sekali nikah beza agama di awal Islam, kerana Islam memang baharu hadir saat itu dan tidak semua orang yang sudah berkeluarga masuk Islam secara bersamaan dengan pasangannya, termasuk juga Zainab binti Rasulullah saw.<sup>14</sup>

Kemudian pasangan suami isteri pada masa Rasulullah SAW iaitu Walid bin al-Mughirah yang masuk Islam, kemudian setelah beberapa waktu suaminya al-Şafwan baru masuk Islam, sedangkan Rasulullah Saw tidak membatalkan perkahwinan mereka berdua. Begitu juga kisah Ummi Hakim binti al-Ĥarith yang masuk Islam, kemudian setelah beberapa waktu lamanya, suaminya 'Ikrimah ibn Abū al-Jahl baru masuk Islam, demikian juga Rasulullah Saw tidak membatalkan perkahwinan keduanya<sup>15</sup>. Dari kalangan Tabi'in pula ialah Sa'id Ibn Musayyab, Said Ibn Zubair, al-Hasan, Mujahid, Tawus, Ikrimah, al-Sha'abi dan al-Dahhak.<sup>16</sup>

Perlu dijelaskan bahawa perkahwinan beza agama antara Zainab binti Nabi saw dengan Abul Ash bin ar-Rabi' dan semisalnya tidak dapat dijadikan hujah untuk mengesahkan keabsahan praktek perkahwinan seperti itu di zaman sekarang. Sebab perkahwinan beza agama Zainab terjadi sebelum Nabi saw menerima wahyu<sup>17</sup>.

Setelah wahyu turun pun perkahwinan beza agama bagi wanita muslimah belum dilarang. Pada tahun ke-6 setelah hijrah, tepatnya pasca perdamaian Hudaibiyah, kemudian turun wahyu yang melarangnya, iaitu turun ayat 10 surah *al-Mumtahanah* sebagaimana disebutkan sebelum ini iaitu "لا هن حل لهم ولا هم يحلون لهن" artinya wanita muslimah tidak halal bagi lelaki bukan muslim dan lelaki bukan muslim secara tidak langsung tidak boleh berkahwin dengan wanita muslimah.<sup>18</sup>

Di Malaysia terdapat Undang-undang yang melarang perkahwinan beza agama iaitu seksyen 10 (11) yang memperuntukkan 'Tiada seorang lelaki boleh berkahwin dengan seorang bukan Islam kecuali seorang kitabiyyah'.<sup>19</sup> *Kitabiyyah* ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 sebagai (a) seorang wanita yang nenek moyangnya berasal daripada Bani Ya'qub; atau (b) seorang wanita Kristian yang nenek moyangnya orang Kristian sebelum kenabian Nabi Muhammad SAW; atau (c) seorang Yahudi yang nenek moyangnya orang Yahudi sebelum keimanan Nabi 'Isa a.s.<sup>20</sup>

Di Indonesia pula perkahwinan beza agama pada awalnya diletakkan di bawah undang-undang yang dikeluarkan oleh pemerintah Hindia Belanda, iaitu Penetapan Raja tanggal 29 Disember

<sup>13</sup> Ibn Hajar al-Asqalani, *al-Ishābah fi Tamyiz al-Şahābah*, (Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 1995), Cet. I, 151.

<sup>14</sup> Ahmad Muntaha (2022) *Lika-liku Nikah Beda Agama Zainab Putri Rasulullah*, Accessed June 17, 2023. <https://islam.nu.or.id/sirah-nabawiyah/lika-liku-nikah-beda-agama-zainab-putri-rasulullah-jgSPU>.

<sup>15</sup> Abu Dawud Sulaiman ibn al-Ash'ath ibn Ishaq ibn Bashir ibn Shidad ibn 'Amru al-Azdi alSijistani, Sunan Abi Dawud , Vol 2 (Beirut: Maktabah al-Asriyah Saydan, T.th), 272.

<sup>16</sup> M Galib, M. Ahl al-Kitab Makna dan Cakupannya. Jakarta: Paramadina, 1998. 22

<sup>17</sup> Ahmad Muntaha (2022) *Lika-liku Nikah Beda Agama Zainab Putri Rasulullah* <https://islam.nu.or.id/sirah-nabawiyah/lika-liku-nikah-beda-agama-zainab-putri-rasulullah-jgSPU>.

<sup>18</sup> *Ibid*,

<sup>19</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Internasional Law Book Services. 14

<sup>20</sup> Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Ali. *Kitabiyyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. 267

1896 No. (Stb. 1898 No. 158) yang dikenali dengan Peraturan Tentang Perkawinan Campuran (Regeling op de Gemengde Huwelijken) yang kemudian disebut GHR. Dalam GHR ini, jika dua orang yang berbeza agama hendak melangsungkan perkahwinan, Pejabat Catatan Awam yang akan mencatat perkahwinannya.<sup>21</sup> Namun, setelah berlakunya Undang-Undang nomor 1 tahun 1974 tentang Perkawinan (selterusnya disebut dengan UU Perkawinan), terutama setelah tahun 1983, pelaksanaan perkahwinan beza agama menjadi lebih sukar untuk dilaksanakan.<sup>22</sup> Terdapat fasal yang menyebutkan tentang larangan perkahwinan beza agama, antara lain Fasal 1, perkahwinan adalah ikatan jasmani dan rohani antara seorang lelaki dan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa<sup>23</sup>. Fasal 2 Ayat 1 perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agama dan kepercayaannya<sup>24</sup>. Kemudian, perkahwinan beza agama dalam KHI dinyatakan secara khusus dalam fasal 40 huruf (c) yang secara khusus menyatakan larangan melakukan perkahwinan antara laki-laki dan perempuan karena keadaan tertentu; antaranya, kerana wanita yang bukan Islam. Fasal 44 menyatakan bahawa wanita Islam dilarang bernikah dengan lelaki yang bukan Islam. Berdasarkan dua artikel tersebut, boleh dikatakan bahawa menurut KHI, seorang wanita yang bukan Islam, tanpa mengira agamanya, tidak boleh dinikahkan dengan lelaki yang beragama Islam, dan seorang wanita Islam tidak boleh dinikahkan dengan lelaki yang bukan Islam, baik ahli kitab mahu pun bukan ahli kitab<sup>25</sup>.

Sebenarnya Undang-Undang perkahwinan beza agama di Malaysia lebih efektif dan terkehadapan berbanding Undang-Undang perkahwinan beza agama di Indonesia. Malah berbanding Undang-undang Perkahwinan beza agama di Malaysia Undang-Undang nomor 1 tahun 1974 tentang Perkawinan di Indonesia masih diperdebatkan oleh kelompok sekular dan liberalism. Menurut mereka Undang-Undang Nombor 1 Tahun 1974 tersebut belum menyatakan secara jelas dan kukuh mengenai perkahwinan beza agama, dalam arti kata tidak ada frasa yang jelas bagi mengatur, mengesahkan, mahu pun melarang perkawinan beza agama.

Fenomena di Indonesia, gejala perkahwinan beza agama masih berlaku di Indonesia meskipun Undang-Undang Perkawinan melarangnya. Pelbagai langkah yang digunakan di antaranya ialah berkahwin di luar negara. Ada yang berkahwin menggunakan hanya satu agama namun selepas berlangsungnya perkahwinan rasmi masing-masing hidup dengan agama asal. Ada yang mencampuradukkan kedua-dua agama yang mereka anauti dan dewasa ini mereka menggunakan media perlembagaan seperti Yayasan Wakaf Paramadina<sup>26</sup>.

---

<sup>21</sup> Sri Wahyuni, M.Ag., M.Hum. KONTROVERSI PERKAWINAN BEDA AGAMA DI INDONESIA, kertas kerja Fak. Syariah UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta

<sup>22</sup> PA (Pengadilan Agama) Probolinggo (2022), *Mahkamah Agung Republik Indonesia Direktorat Jendral Badan Peradilan Agama*, Accessed June 18, 2023. <https://badilag.mahkamahagung.go.id/artikel/publikasi/artikel/nadzירותוס-sintya-falady-s-h-cpns-analis-perkara-peradilan-calon-hakim-2021-pengadilan-agama-probolinggo>.

<sup>23</sup> Tim Redaksi Nuansa Aulia, *Kompilasi Hukum Islam*. (Bandung: Nuansa Aulia 2011), 76

<sup>24</sup> Himpunan Peraturan Perundang-undangan Yang Berkaitan Dengan Kompilasi Hukum Islam dengan Pengertian Dalam Pembahasan, Perpustakaan Nasional RI: Data Katalog Dalam Terbitan (KDT) 2011, 134

<sup>25</sup> *Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia*, Kementerian Agama RI Direktorat Jendral Bimbingan Masyarakat Islam Direktorat Bina KUA dan Keluarga Sakinah tahun 2018, 23

<sup>26</sup> Yayasan Wakaf Paramadina adalah sebuah lembaga keagamaan (Islam) yang berkecimpung dalam kajian keagamaan dan sosial. Didirikan oleh Prof. Dr. Nurcholish Madjid tahun 1986 di Jakarta, lembaga ini bertujuan sebagai lembaga pendidikan dan pencerahan umat dan bangsa. Lembaga keagamaan ini mencoba memadukan antara ke-Islaman dan ke-Indonesiaan sebagai perwujudan dari nilai-nilai Islam universal dengan tradisi lokal

## Pandangan Ulama Terhadap Perkahwinan Beza Agama

Pada dasarnya jumah ulama bersepakat bahawa hukum perkahwinan seorang perempuan yang beragama Islam dengan seorang laki-laki bukan Islam, sama ada *kitabiyah* atau *mushrik* adalah haram dan tidak sah. Kemudian, yang menjadi perdebatan dalam kalangan para ulama adalah perkahwinan seorang lelaki Islam dengan perempuan bukan Islam baik *kitabiyah* atau *mushrik*.

### a. Keharusan Kahwin Beza Agama

Majoriti ulama membenarkan lelaki Islam mengahwini wanita dari ahli kitab (Yahudi atau Nasrani)<sup>27</sup>. Pendapat ini disokong oleh mazhab imam Shafi'i yang dihuraikan dalam kitab *al-Umm*<sup>28</sup>. Dalil keharusan tersebut adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-Ma'idah ayat 5. Selain nas-nas al-Quran, nabi Muhammad tidak melarang pernikahan beza agama para sahabat sendiri yang menikahi seorang wanita dari ahli kitab, iaitu iaitu Hudzaifah bin al-Yaman, telah berkahwin dengan seorang wanita Yahudi, sedangkan tiada seorang pun sahabat yang mengharamkannya terutamanya nabi Muhammad.<sup>29</sup> Sayyidina Umar pula tidak mengharamkannya melainkan beliau menyatakan kebimbangannya terhadap perkahwinan tersebut yang menyebabkan ramai umat Islam akan berpaling dari memilih pasangan hidup dalam kalangan wanita muslim disebabkan tarikan kecantikan terhadap wanita ahl al-kitab.<sup>30</sup>

Yusuf al-Qaradawi ketika memilih pandangan yang mengharuskan muslim berkahwin dengan wanita ahli kitab iaitu Yahudi dan Kristian menyatakan bahawa keharusan tersebut berdasarkan hikmah berikut: *Pertama*, sebagai motivasi untuk isteri memasuki Islam, *kedua*, meminimumkan jurang antara masyarakat Islam dan masyarakat Ahli Kitab, *ketiga*, meluaskan skop toleransi dalam kalangan penganut tiga agama ketuhanan, dan *keempat*, menggalakkan interaksi positif antara masyarakat Islam dan masyarakat Ahl al-Kitab.<sup>31</sup>

Dr Wahbah al-Zuhaili dalam *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* menyatakan harus bagi seorang lelaki Muslim berkahwin dengan wanita ahli kitab secara mutlak tanpa ada sebarang syarat. Hujah yang diterima pakai di antaranya ialah *pertama*, Surah al-Maidah ayat 5 yang disebutkan di atas. Ibn Kathir menjelaskan bahawa ayat ini merujuk kepada wanita-wanita yang merdeka (bukan

---

Indonesia. Lihat Yayasan Paramadina (t.th), Accessed June 18, 2023. [https://id.wikipedia.org/wiki/Yayasan\\_Paramadina](https://id.wikipedia.org/wiki/Yayasan_Paramadina).

<sup>27</sup> Dalam pandangan Rasyid Ridha menafsirkan tentang Yahudi dan Nasrani dalam Q.S Al-maidah ayat (5); sebagai berikut.

و أن المجوس والصابئين ووثنى الهند والصين وأمثالهم كاليانين أهل كتب مشتملة على التوحيد إلى الآن والظاهر من التاريخ ومن بيان القرآن أن جميع الأمم بعث فيها رسل وأن كتبهم سماوية طراً عليها التحريف كما طراً على كتب اليهود والنصارى التي هي أحدث عهد في التاريخ، وأن المختار عندنا أن الأصل في النكاح

Dalam menafsirkan ayat tersebut Rasyid Ridha menyatakan bahwa Ahli Kitab tidak hanya terhad dua bangsa iaitu Yahudi dan Nasrani sahaja, juga meliputi semua penganut agama dan kepercayaan yang berpandukan kitab mereka seperti Majusi, Shabi'un, Hindu, Buda, Konghucu, Sinto, dan lain-lain. Hal ini menurutnya juga berdasarkan fakta sejarah serta penjelasan dan pernyataan dari AlQur'an sendiri, bahawa setiap umat mempunyai Rasul yang diutus kepada mereka oleh Allah S.W.T. Mereka juga memiliki kitab suci yang dibawa oleh nabi mereka, hanya saja terjadi penyelewengan (tahrif) terhadap kitab suci tersebut sebagaimana terjadi pada kitab suci Yahudi dan Nasrani. Apalagi hukum asal perkahwinan menurut Rasyid Ridha adalah boleh. Lihat Muhammad Rasyid Ridha. (1947). Tafsir Al-Manar. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. 159-160.

<sup>28</sup> Abi Abdillah Muhammad bin Idris Syafi'i, *al-Umm*, (Baghdad : Dar el-fikr , 1990), 4:182

<sup>29</sup> Masjufuk Zuhdi, *Masail Fikihiyah*, Cet. ke-10 , (Jakarta: Toko Gunung Agung, 1997), 5.

<sup>30</sup> Muhammad Salam Madkur, *Manahij al-ijtihad fi al-Islam*, (Kuwayt: Jami'ah al-Kuwayt, 1972), 541

<sup>31</sup> Aldil Nuari, *Kahwin Beza Agama Dalam Pandangan Yusuf Al-Qardhawi*, Tesis Program Pascasarjana (PPS) Universitas Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim Riau 1442 H/2020 M, 129

hamba sahaya) dan mampu menjaga kesucian dirinya daripada zina. *Kedua*, perbuatan para sahabat yang mengahwini wanita ahli kitab daripada kalangan *ahlu zimmah* (orang kafir yang menetap dalam kerajaan Islam dan patuh). Contohnya, Uthman bin Affan yang mengahwini Na'ilah binti al-Farafishah al-Kalbiyah yang beragama Nasrani yang kemudiannya berjaya diislamkannya. Begitu juga Hudzaifah yang mengahwini wanita Yahudi penduduk Mada'in.<sup>32</sup> Begitu juga beliau menyatakan bahawa antara hikmah dibolehkan perkahwinan seorang Muslim dengan wanita ahli kitab ialah agar perempuan kitabiyah tersebut tertarik dengan Islam dan akhirnya memeluk Islam.<sup>33</sup>

#### b. Makruh Nikah Beza Agama

Dalam mazhab Maliki terdapat dua pandangan tentang perkahwinan beza agama ini iaitu: *pertama*, nikah dengan kitabiyah hukumnya makruh mutlak sama ada *dzimmiyah* (wanita-wanita bukan muslim yang berada di negeri yang tunduk pada hukum Islam) mahu pun harbiyah, namun berkahwin dengan wanita harbiyah lebih besar makruhnya. Walau bagaimanapun jika dikhuwatirkan si isteri kitabiyah itu akan mempengaruhi anak-anak meninggalkan agama Islam, maka hukumnya haram. *Kedua*, tidak makruh mutlak kerana ayat tersebut tidak melarang secara mutlak. Metodologi berfikir mazhab Maliki ini menggunakan pendekatan *sadd al-zari'ah* (menutup jalan yang membawa kepada kerosakan). Jika dikhuwatiri kerosakan (*mafsadah*) yang akan muncul, maka diharamkan.<sup>34</sup>

Menurut Ulama mazhab Syafi'i, makruh hukumnya menikah dengan wanita Ahl al-Kitab yang *dzimmi*. Manakala *ahl al-kitab* yang harbiyah, kadar makruhnya lebih besar (تشدد الكراهة). Bagi mereka hukum makruh tersebut berdasarkan syarat-syarat tertentu: *pertama*, tidak mengharap wanita *ahl al-kitab* untuk memeluk Islam; *kedua*, masih ada wanita muslimah yang dapat mendatangkan kebaikan baginya; *ketiga*, jika tidak berkahwin dengan wanita *ahl al-kitab* dikhawatirkan akan melakukan zina. Namun jika lelaki muslim mengharap agar wanita *ahl al-kitab* tersebut memeluk Islam, tidak ada wanita muslimah yang dapat mendatangkan kebaikan untuknya, dan jika tidak berkahwin dengan wanita kitabiyah akan terjerumus kepada perbuatan zina, maka hukum berkahwin dengan wanita tersebut adalah sunnah, demi menghindari perbuatan keji tersebut.<sup>35</sup>

Dalam hal ini sebahagian ulama Hanafi dan Shafie menyatakan beberapa alasan iaitu:

- a. Perintah Umar bin al-Khattab kepada para Sahabat supaya menceraikan wanita ahli kitab yang dikahwini.
- b. Larangan perkahwinan tersebut sudah dimulai pada masa sahabat, 'Umar ibn Khattab adalah salah satu sahabat yang melarang perkawinan beza agama dengan alasan *kemasalahatan*.<sup>36</sup>
- c. Dikhuatiri wanita ahli kitab itu akan memalingkan suaminya daripada Islam.

<sup>32</sup> Iffah Muzammil, *Telaah Gagasan Paramadina tentang Pernikahan Beda Agama*, Jurnal Islamica: Jurnal Studi Keislaman, Vol 1 No. 2 (2016), 397

<sup>33</sup> Wahbah Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Penerjemah Abdul Hayyie dkk, *Fikih Islam Wa Adillatuhu*, Jilid 9 (Jakarta: Gema Insani, 2010), 146

<sup>34</sup> Abdurrahman al-Jaziri, *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madzâhib al-Arba ah*, (Dar al-kutub al-Ilmiyyah , 1990), 76-77.

<sup>35</sup> *Ibid*

<sup>36</sup> Mohammad Ato Mudzhar, *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam di Indonesia 1975-1988*, 103-104

- d. Dikhuatiri wanita ahli kitab akan menjerumuskan anak-anak mereka kepada kekafiran atau amalan agamanya. Ini kerana ibu ibarat sekolah yang akan memberi pengaruh yang besar kepada anak-anaknya.

Seterusnya perkahwinan dengan ahl al-kitab mempunyai risiko tersendiri. Walaupun makruh namun masih tidak ada jaminan bahawa si isteri kitabiyah akan cenderung kepada agama suami sebaliknya ia mungkin menjadi fitnah kepada agamanya, atau ahli keluarganya akan menguasainya. Bahkan jika berkahwin dengan perempuan harbi lagi besar makruhnya kerana pengaruh ahli kafir harbi lebih hebat.<sup>37</sup>

### c. Haram Kahwin Beza Agama

Ibnu Jarir al-Tabari (seorang ulama tafsir) dan Sheikh Muhammad Abduh membataskan wanita *mushrik* yang dilarang berkahwin hanya dari kalangan wanita Arab sahaja, kerana orang Arab pada masa turunnya al-Quran tidak mengetahui kitab suci dan mereka menyembah berhala. Menurut beliau, seorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan wanita *mushrik* dari bangsa bukan Arab, seperti wanita Cina, India dan Jepun, yang dianggap mempunyai kitab suci atau kitab suci yang serupa, seperti Buddha, Hindu, Confucian, yang beriman kepada tuhan yang Maha Esa, beriman kepada kehidupan selepas mati dan seterusnya.<sup>38</sup>

Sebenarnya alasan yang digunakan dalam pengharaman ini adalah berdasarkan hujah bahawa ayat al-Maidah (5): 5 tersebut telah dinasakh oleh al-Baqarah (2): 221. Menurut Quraish Shihab, pendapat tersebut ada suatu kejanggalan kerana al-Maidah (5): 5 turun sebelum daripada al-Baqarah (2): 221. Disebabkan ia turun terlebih dahulu, maka tentu tidak logik jika sesuatu yang datang terlebih dahulu membatalkan hukum sesuatu yang belum datang atau baru datang sesudahnya.

Di antara yang bersependapat dalam isu ini golongan Syiah Imamiyyah dan Syiah Zaydiyyah.<sup>39</sup> Ibn 'Umar pernah ditanya tentang perkahwinan laki-laki muslim dengan wanita *ahl al-kitab* dan beliau menegaskan bahawa Allah s.w.t. mengharamkan lelaki muslim berkahwin dengan wanita-wanita *mushrik*.<sup>40</sup> Baginya kesyirikan yang besar apabila seorang wanita yang berkata bahawa Isa adalah Tuhan atau dengan kata lain Tuhannya merupakan seorang manusia dan merupakan hamba Allah. Dari ketegasan pernyataan Ibn 'Umar tersebut dapat dilihat bahawa beliau tidak membezakan antara *ahl al-kitab* dengan *mushrik*, kerana meskipun ia *ahl al-kitab* namun masih melakukan syirik maka termasuk dalam kategori *rmushik*.<sup>41</sup>

Dalam menafsirkan ayat ini, al-Qurtubi menukil pendapat Ishak bin Ibrahim al-Harabi yang menyatakan bahawa golongan yang menjadikan ayat 221 dalam surah al-Baqarah sebagai ayat yang menasakhkan (menghapus), manakala ayat dalam surah al-Maidah sebagai ayat yang dinasakh (dihapus) maka mereka mengharamkan perkahwinan dengan setiap wanita *mushrik*, sama ada *ahl al-kitab* mahu pun selain *ahl al-kitab*.<sup>42</sup>

<sup>37</sup> Sulaiman Ahmad Yahya Al-Faifi. *Ringkasan Fikih Sunnah Sayyid Sabiq*. (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar 2009), 442.

<sup>38</sup> Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Manar*, (Kairo: Dar al-Manar 1367H), 6: 187-188; 190 dan 193 & Abdul Jalil, Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia, *Andragogi Jurnal Diklat Teknis* Volume: VI No. 2 Julai Disember 2018, 54

<sup>39</sup> Isnawati, *Pernikahan Beda Agama dalam Al-Qur'an*, (Jakarta: Rumah Fiqih Publishing 2019), 37

<sup>40</sup> *Ibid*

<sup>41</sup> Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*. (Bandung: PT Al Ma'arif 1980), 155-156

<sup>42</sup> Al-Qurtubi, *Tafsir Al-Qurtubi*, (Jakarta: Pustaka Azam, 2007), 142.



## Hukum Perkahwinan Beza Agama Antara Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Dan Majlis Ulama Indonesia

Polemik persoalan perkahwinan beza agama tidak berhenti bahkan menjadi perdebatan yang berterusan dalam kalangan sarjana muslim mahupun dari ahli hukum (fekah), ahli sosial budaya dan juga ahli tafsir. Sebahagian sarjana Islam dan ulama semasa masih meneruskan polemik ini. Justeru itu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis Ulama Indonesia telah mengeluarkan fatwa masing-masing sebagai panduan kepada umat Islam di kedua-dua buah negara.

### 1- Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 14 Julai 1977 telah membincangkan Perkahwinan dengan Perempuan Kitabiyah. Persidangan tersebut telah memutuskan bahawa takrif Kafir Kitabi ialah orang Yahudi atau Nasrani:

- a. Yang berketurunan Nabi Yaakub a.s., jika tidak diketahui datuk neneknya memeluk agama itu selepas dinasahkan (dibatalkan) oleh agama yang berikutnya seperti agama Yahudi dinasahkan oleh agama Nasrani dan agama Nasrani dinasahkan oleh agama Islam; atau
- b. Yang bukan berketurunan Nabi Yaakub a.s., jika diketahui datuk neneknya memeluk agama itu sebelum dinasahkan.<sup>43</sup>

Harus berkahwin dengan perempuan Kafir Kitabiyah seperti di atas. Manakala perempuan Yahudi atau Nasrani yang bukan *Kitabiyah* yang dinyatakan di atas hukumnya adalah haram dikahwini. Fatwa ini disokong oleh Mufti Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur.<sup>44</sup> Ringkasnya apabila calon isteri bukan kitabiyah/mushrikah, maka hukum perkahwinannya adalah haram.<sup>45</sup>

Seterusnya pada 14 Mei 1980 pendetilan hukum perkahwina beza agama dilakukan melalui persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-18 yang memutuskan seperti berikut:<sup>46</sup>

- a. Perkahwinan orang Islam dengan perempuan *Kitabiyah* (bukan asli) adalah tidak sah mengikut mazhab Shafie.
- b. Perkehwinan seperti itu (perkahwinan orang Islam dengan perempuan *Kitabiyah* bukan asli) yang telah dilakukan pada masa yang lalu harus mengikut pendapat setengah ulama' dengan syarat jika perkahwinan itu diadakan mengikut Islam dan keluarga tersebut hendaklah hidup secara Islam termasuk pendidikan anak-anak. Jika tidak dilakukan demikian maka perkahwinan itu hendaklah dibatalkan.

---

<sup>43</sup> Fatwa Isu-Isu Munakahat : *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, cet. Ke-1, (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519, W.P Putrajaya 2013 ). 40-41.

<sup>44</sup> *Ibid*

<sup>45</sup> *Ibid*

<sup>46</sup> *Ibid*

- c. Perkahwinan suami/isteri Kristian kemudian si suami masak Islam maka perkahwinannya dikira dengan syarat kehidupannya mengikut cara Islam.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga mengeluarkan fatwa yang hampir sama melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali ke 3/2011 yang bersidang pada 14 Jun 2011/ 12 Rajab 1432H iaitu<sup>47</sup>;

- a. Perkahwinan antara orang Islam dengan Perempuan Kitabiah (Bukan Asli) adalah tidak sah mengikut Mazhab Shafie
- b. Perkahwinan seperti itu (Perkahwinan antara orang Islam dengan Perempuan Kitabiah Bukan Asli) yang telah dilakukan pada masa lalu bolehlah disahkan mengikut pendapat sesetengah ulama' dengan syarat jika perkahwinan itu di'akadkan mengikut Islam dan keluarga itu hendaklah hidup dengan cara Islam termasuk pendidikan anak-anak. Jika tidak dilakukan sedemikian, maka perkahwinan itu hendaklah dibatalkan. Perkahwinan suami/isteri kemudian suami masuk Islam, maka perkahwinan boleh dikekalkan dengan syarat kehidupannya mengikut cara Islam.

### **Majlis Ulama Indonesia (MUI)**

Dalam fatwa perkahwinan beza agama, MUI telah mengeluarkan dua fatwa. Pertama: Fatwa perkahwinan beza agama melalui keputusan Mushawarah Nasional Kedua di Jakarta pada 1 Jun 1980. Fatwa tersebut menegaskan bahawa:

- a. Perkahwinan seorang wanita Islam dengan lelaki bukan Islam adalah haram;
- b. Lelaki Islam dilarang berkahwin dengan perempuan bukan Islam. Adapun perkahwinan antara lelaki dengan perempuan dari ahli kitab, terdapat perbezaan pendapat.

Setelah mempertimbangkan masalah dan mafsadahnya, mafsadah yang timbul akibat perkahwinan itu jauh lebih besar daripada manfaatnya. Oleh itu, MUI memutuskan bahawa perkahwinan itu adalah haram. Fatwa ini ditandatangani oleh Prof. Dr. Hamka sebagai ketua MUI, Kafrawi sebagai setiausaha dan Alamsyah Ratu Perwiranegara sebagai Menteri Agama<sup>48</sup>.

Di antara dalil-dalil al-Quran yang menjadi rujukan utama adalah sebagai berikut:

- a. QS. Al-Baqarah: 221,
- b. QS: al-Maidah; 5
- c. QS: al-Mumtahanah/60:10
- d. QS: al-Tahrim/6.66

*Kedua:* berdasarkan keputusan Mushawarah Nasional MUI VII di Jakarta 2005 MUI iaitu:

- a. Perkahwinan beza agama adalah haram
- b. Perkahwinan lelaki Islam dengan perempuan ahli kitab, menurut *qawl mu'tamad*, adalah haram dan tidak sah.

---

<sup>47</sup> *Hukum Perkahwinan Dengan Kitabiyah*. 2011. Accessed 18 June, 2023. <https://www.muftiselangor.gov.my/en/annual-fatwa/result/2010/571-hukum-perkahwinan-dengan-kitabiah>

<sup>48</sup> Muhammad Atho Mudzhar, *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam Di 1975-1988*, 99

Fatwa ini ditandatangani oleh KH. Ma'ruf Amin sebagai ketua MUI dan Hasanudin sebagai setiasua.<sup>49</sup> Fatwa di atas dikeluarkan oleh MUI kerana beberapa realiti yang timbul dalam kehidupan masyarakat moden, iaitu di akhir-akhir ini banyak berlaku perkahwinan beza agama di Indonesia khususnya yang beragama Islam. Perkahwinan beza agama di tengah-tengah kehidupan sering mengundang keresahan dalam masyarakat khususnya dalam kalangan umat Islam sehingga mengundang perdebatan yang tidak pernah berakhir. Selain itu, terdapat pemikiran di tengah-tengah masyarakat yang membenarkan amalan perkahwinan beza agama dengan alasan hak asasi manusia dan *maslahah*. Justeru itu fatwa ini merupakan pengukuhan terhadap fatwa nikah campur yang dikeluarkan oleh MUI pada Mushawarah Nasional II MUI di Jakarta 1980.<sup>50</sup>

Berdasarkan perhimpunan ayat di atas, MUI membahagikan fatwa hukum perkahwinan beza agama kepada dua. Pertama, perkahwinan beza agama haram dan tidak sah iaitu melibatkan perkahwinan wanita Islam dengan lelaki bukan Islam termasuk ahli kitab. Kedua, khusus untuk perkahwinan lelaki Islam dengan wanita ahli kitab yang dinilai haram dan tidak sah. Fatwa kedua ini masih menimbulkan persoalan kerana dalam al-Quran, hadis dan penulisan fiqh klasik tentang perkahwinan seperti ini telah dibincangkan secara terperinci oleh para ulama. Jumhur ulama<sup>51</sup> mengharuskan perkahwinan beza agama berdasarkan surah al-Maidah ayat 5.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun, MUI tetap menyatakan perkahwinan beza agama tidak sah. Ia berdasarkan surah *al-tahrim* ayat 6 yang memerintahkan agar setiap umat Islam memelihara ahli keluarga masing-masing dari api neraka dan Hadis Nabi riwayat Bukhari Muslim tentang kriteria calon isteri yang lebih menitikberatkan aspek agama.<sup>53</sup>

### **Perbandingan di Antara Antara Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Dan Majlis Ulama Indonesia dari Perspektif Maqasid Shari'ah**

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengharuskan perkahwinan lelaki muslim dengan perempuan kitabiyah. Perkahwinan beza agama selain kitabiyah tidak diharuskan dan dihukum tidak sah menurut 10 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.<sup>54</sup> bahkan tidak boleh didaftarkan menurut akta 12 (1). Kitabiyah ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984 sebagai (a) seorang wanita yang nenek moyangnya berasal daripada Bani Ya'qub; atau (b) seorang wanita Kristian

---

<sup>49</sup> Ali Mutaqin, *Fiqh Perkawinan Beza Agama Indonesia Kajian Atas Fatwa-Fatwa Nu, Muhammadiyah*, Jurnal *Al-Aḥwāl*, Vol. 14, No. 1, Tahun 2021 M/1442 H, 19

<sup>50</sup> *Ibid*

<sup>51</sup> Sekiranya perlu untuk mengkaji lebih lanjut sama ada asas undang-undang ini telah digunakan dengan betul. Sebagaimana yang kita ketahui dalam mengambil hukum daripada al-Quran, ia mestilah merujuk kepada tafsiran ayat-ayat al-Quran yang dijadikan asas penentuan fatwa. Namun MUI tidak menyertakan pendapat mufassir tentang asas perkahwinan antara agama seperti ayat 5 surah al-Maidah<sup>11</sup> dan al-Baqarah ayat 221. Sebagai contoh, dalam mentafsir ayat ini, Imam Nawawi menyatakan bahawa Imam Syafi'i mengharuskan perkahwinan dengan wanita ahli kitab iaitu berdasarkan ahli kitab sebelum al-Quran diturunkan. Adapun mazhab lain seperti Hanafi, Hanbali dan Maliki, mengharuskan perkahwinan dengan wanita ahli kitab, walaupun agama ahli kitab itu telah dinasakh. Lihat: Imam Nawawi, *Tafsir al-Munir*, Juz 1, (Semarang: Usaha Keluarga, tt), 192

<sup>52</sup> Abi Abdillah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, (Penerbit Sulaiman Mar'i, t.th), 243

<sup>53</sup> Ibnudin, *Pandangan Perkawinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, Jurnal Risaalah Fakultas Agama Islam Universitas Wiralodra Indramayu, Vol. 1, No. 1, Desember 2015, 98

<sup>54</sup> Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia tidak membenarkan wanita muslimah menikah dengan kitabiyah atau muhrim dan lelaki muslim tidak dibenarkan nikah dengan wanita mushrikah. Yang diperjelas oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia wanita kitabiyah menikah dengan lelaki muslim.

yang nenek moyangnya orang Kristian sebelum kenabian Nabi Muhammad SAW; atau (c) seorang Yahudi yang nenek moyangnya orang Yahudi sebelum keimanan Nabi 'Isa a.s.<sup>55</sup>

Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengharuskan perkahwinan lelaki muslim dengan perempuan kitabiyah berdasarkan pandangan imam shafi'i sebagai mazhab utama dalam memutuskan hukum di Malaysia Dalam kitab *al-Umm*, Imam Shafie mengkhususkan Ahli Kitab kepada keturunan Bani Israel yang beragama Yahudi dan Krisitan<sup>56</sup>. Mereka yang bukan daripada keturunan Bani Israel, tidak tergolong dalam ahli Kitab walaupun menganut agama Yahudi dan Kristian. Ini Nabi Musa dan Nabi Isa hanya diutuskan kepada Bani Israel dan bukan kaum lain. Sebagaimana tTurat dan Injil diturunkan hanya kepada mereka, maka al-Quran menamakan mereka sebagai ahli Kitab.<sup>57</sup> Walau bagaimanapun para ulama Shafiiyyah menyatakan makruh berkahwin dengan Ahli Kitab berdasarkan syarat=syarat tertentu sebagaimana dihuraikan sebekum ini.

Dalam hal ini Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah mengambil pendapat yang *rajih* (lebih kuat) khususnya mazhab shafi'i dalam masalah ini malah ia adalah pendapat yang dipegang oleh jumhur ulama iaitu dihalalkan bagi seorang Muslim untuk mengahwini wanita ahli kitab yang berstatus zimmi. Pendapat ini dipegang oleh ramai para Sahabat dan Tabi'in antaranya Uthman, Talhah, Ibn Abbas, Jabir, Huzaifah, Sa'id bin al-Musayyib, Sa'id bin Jubair, Hasan, Mujahid, Tawus, Ikrimah, al-Sya'bi dan lain-lain.

Fatwa komis MUI melalui Surat Keputusan Majlis Pimpinan MUI nombor: U-596/MUI/IX/1997 telah menetapkan hukum harama berkahwin dengan perempuan ahl al-kitab sama ada berketurunan Nabi Ya'kub ataupun tidak. Ini bermakna MUI mengharamkannya secara mutlak. Dalam fatwa berkenaan dinyatakan bahawa setiap keputusan fatwa mestilah berlandaskan Kitab Allah dan Sunnah Nabi yang mu'tabar, serta tidak bertentangan dengan kemaslahatan umat.<sup>58</sup> Dinyatakan bahawa fatwa tersebut berdasarkan beberapa dalil-dalil al-Qur'an, Hadits dan kaidah-kaidah fiqh. Di antara ayat al-Qur'an yang digunakan sebagai dalil adalah surah al-Nisa ayat 3; surah al-Rum, ayat 21; surah al-Tahrim, ayat 6; surah al-Maidah ayat 5; surah al-Baqarah, ayat 221; surah al-Mumtahanah ayat 10 dan surah al-Nisa ayat 25.

Jika diteliti ayat yang digunakan oleh MUI di atas, dapat difahami bahawa selain yang berkaitan dengan larangan nikah beza agama, ia juga mengemukakan jalan penyelesaian agar terhindar dari amalan perkahwinan tersebut. Surah al-Nisa ayat 3, jelas menyatakan bahawa boleh berkahwin lebih dari satu (poligami) dengan syarat yang telah ditetapkan. Hal ini menunjukkan bahawa amalan perkahwinan beza agama perlu dielakkan seboleh-bolehnya walaupun terpaksa berkahwin lebih daripada seorang isteri. Oleh itu, amalan perkahwinan beza agama mempunyai risiko yang jauh lebih besar iaitu ancaman agama seseorang dari amalan poligami itu sendiri.

Dua Fatwa ini apabila dinilai dari sudut konsep *maqasid al-shariah* maka ia kelihatan jelas bahawa fatwa komisi MUI menepati *maqasid al-shari'ah* yang berada di bawah pemeliharaan terhadap agama (*hifz-al-din*) dan keturunan (*hifz al-nasab*) di bawah tingkat *daruriyyat*. Rasionalnya apabila perempuan yang tidak mempunyai pegangan agama yang kuat

---

<sup>55</sup> Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Ali. *Kitabiyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. 267-267

<sup>56</sup> Fatwa Isu-Isu Munakahat : *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Uagama Islam Malaysia*, cet. Ke-1,

<sup>57</sup> *Ibid*

<sup>58</sup> Ibnudin, *Pandangan Perkawinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, 98

tidak digalakkan dipilih sebagai pasangan hidup bagaimana perempuan yang berbeza agama boleh diharuskan berkahwin bahkan sewajarnya amat ditegah sekaras-kerasnya. Begitu juga perkahwinan melibatkan pembinaan zuriat yang soleh, bagaimana ibu yang bukan Islam mampu melahirkan dan mendidik anak-anaknya menjadi insan yang benar-benar beriman dan bertakwa. Jika berlaku sekalipun hanya bersifat jarang-jarang dan tidak pasti justeru perlu ditolak kerana ia melibatkan masa depan seseorang zuriat yang bakal dilahirkan.

Walaupun bagaimana Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia agak efektif dalam menyelesaikan permasalahan semasa terhadap permasalahan perkahwinan yang telahpun berlaku. Ini dapat dilihat apabila dinyatakan bahawa apabila berlaku perkahwinan beda agama di Malaysia, maka perkahwinan sedia ada adalah bergantung pada sama ada isterinya (melainkan dia menjadi seorang Muslim) merupakan kitabiyah atau tidak. Sekiranya dia tidak memeluk Islam (dalam tempoh tiga bulan), perkahwinan itu tidak lagi wujud dan tarikh pembubaran perkahwinan tersebut berkuat kuasa dari tarikh penukaran atau pemeluk Islam oleh pihak suami. Manakala seksyen 46(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 memperuntukkan kuasa mahkamah syariah dalam hal menangani pemeluk agama Islam oleh mana-mana pihak kepada perkahwinan dengan Islam.<sup>59</sup> Hal ini menunjukkan bahawa fatwa tersebut lebih menepati *maqasid al-shari'ah* dari sudut penyelesaian semasa dan setempat walaupun kelihatan menghalang perkahwinan tersebut dengan syarat yang ketat.

Manakala di Indonesia fatwa pengharaman beda agama oleh MUI telah disokong oleh undang-undang KHI (kompilasi hukum Islam) dalam nombor 1 Tahun 1991 tanggal 10 Jun 1991 dan Keputusan Menteri Agama nombor 154 Tahun 1991 tanggal 22 Julai 1991 pasal 40 huruf (c) yang secara khusus menyatakan bahawa dilarang melakukan perkahwinan antara laki-laki dan perempuan kerana keadaan tertentu; antaranya, kerana wanita yang bukan Islam. Fasal 44 menyatakan bahawa wanita Islam dilarang berkahwin dengan lelaki yang bukan Islam begitu sebaliknya. Manakala Undang-Undang nombor 1 Tahun 1974 tentang Perkawinan (UU Perkawinan) menyatakan Perkahwinan adalah sah apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu.

Sebenarnya pengharaman perkahwinan beda agama di Indonesia secara mutlak dan di Malaysia secara bersyarat masih menepati *maqasid shari'ah* berdasarkan pendekatan di negara masing-masing. Indonesia mempunyai keragaman masyarakat, bilangan umat Islam yang paling ramai di dunia dan ancaman agama yang lebih kritikal berbanding Malaysia maka pengharaman secara mutlak adalah lebih rajih dan menepati *maslahah ammah* berbanding keharusan dengan bersyarat. Di Malaysia pula berdasarkan peraturan agama Islam diletakkan di bawah penguasaan Sultan negeri masing-masing, bilangan umat Islam tidak serumit bilangan umat Islam di Indonesia maka keharusan bersyarat sudah mencukupi untuk menghapuskan *mafsadah* terhadap perkahwinan beda agama. Ini kerana syarat yang diberikan itu hakikatnya menutup pintu kerosakan yang bakal berlaku yang dikenali sebagai *sad al-dhari'ah*. Secara umumnya kedua-dua pendekatan masih mampu memelihara aqidah ummah.

Sebenarnya perkahwinan yang dimaksudkan memenuhi *maqasid al-shari'ah* ialah sebuah perkahwinan yang mampu melahirkan rumah tangga yang mawaddah, aman damai dan rahmat melalui zuriat yang terbaik dan soleh. Semua itu sukar diperolehi melalui perkahwinan beda agama. Perkahwinan bukan sahaja berdasarkan hak asasi individu semata-mata tanpa terikat dengan kehidupan masyarakat setempat. Bahkan jika *maqasid al-shari'ah* tidak tercapai

---

<sup>59</sup> Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Ali. *Kitabiyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. 268

maka hak asasi manusia juga tidak tercapai. Ini kerana hak asasi manusia dalam Islam bertunjangkan kaedah *maqasid al-syariah* khususnya kaedah

ودء المفاسء عن الناس جلب المصالح

Pencapaian masalah dan penolakan mafsadah terhadap manusia.

Justeru itu apabila tercapainya *maqasid al-syari'ah* dalam pemeliharaan agama dan keturunan maka seluruh masyarakat akan menikmati kehidupan yang sejahtera dan aman damai.

## Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan perbandingan dan persamaan di antara fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dengan fatwa komisi Majelis Ulama Indonesia tentang hukum perkahwinan beza agama dari perspektif *maqasid shari'ah* sebagaimana berikut:

- a. Dua organisasi tersebut mempunyai hujah dan sumber hukum dari al-Quran, Hadith serta pandangan mazhab ulama.
- b. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengharuskan perkahwinan beza agama *kitabiyah* dari seorang *kitabiah* berketurunan Nabi Yaakub a.s. sahaja.
- c. Fatwa Komisi MUI mengharamkan perkahwinan beza agama secara mutlak sama ada *kitabiyah* atau bukan *kitabiyah* (*mushhrik*)
- d. Jika dinilai dari sudut pandang *maqasid al-shari'ah* maka ia kelihatan jelas bahawa fatwa komisi MUI menepati *maqasid al-shari'ah* yang berada di bawah pemeliharaan terhadap agama (*hifz-al-din*) dan keturunan (*hifz al-nasab*) di bawah tingkat *daruriyyat*. Sedangkan Majelis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia memilih pandangan mazhab Shafi'i dan jumhur ulama' sebagai hujah keharusan perkahwinan beza agama dengan *kitabiyah*.
- e. Secara pengamalan dan realiti semasa dan setempat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia lebih efektif dari pada Fatwa komisi MUI, kerana ia dikuatkuaskan melalui akta dan undang-undang pengawalan perkahwinan beza agama berdasarkan peruntukan undang-undang tertentu bagi setiap negeri di Malaysia berbanding Majelis Ulama Indonesia yang tidak mempunyai sebarang akta berkenaan.

Diharapkan dengan adanya fatwa perkahwinan beza agama, pemeliharaan keturunan dan agama Islam yang berada di bawah *al-kulliyat al-khams* bagi generasi umat Islam di Malaysia dan Indonesia bakal terpelihara dan kekuatan umat Islam dapat dipertingkatkan dalam pelbagai bidang dan lapangan kehidupan umat Islam. Ini kerana Malaysia dan Indonesia merupakan negara yang mewakili bangsa dalam bilangan umat Islam yang paling ramai di dunia dan sedang diintai oleh pihak lain yang melihat suatu ancaman bagi kepentingan mereka. Justeru itu kekuatan bangsa ini khususnya pegangan agama perlu dijadikan agenda utama oleh setiap pemimpin Islam di nusantara..

## Rujukan

Abd ar-Rahaman al-Jaziri. *Kitab al-Fiqh Ala al-Madzâhib al-Arbaah*, Dar al-kutub al-Ilmiyyah, 1990.

- Abu Dawud Sulaiman ibn al-Ash'ath ibn Ishaq ibn Basir ibn Sidad ibn 'Amru al-Azdi al-Sijistani. *Sunan Abi Dawud*, Vol 2 Beirut: Maktabah al-Asriyah Saydan, t.th.
- Ahmad Muntaha 2022, *Lika-liku Nikah Beda Agama Zainab Putri Rasullah* Accessed June 17, 2023. <https://islam.nu.or.id/sirah-nabawiyah/lika-liku-nikah-beda-agama-zainab-putri-rasulullah-JgSPU>.
- Ali Mutaqin. *Fiqh Perkawinan Beza Agama Indonesia Kajian Atas Fatwa-Fatwa Nu, Muhammadiyah*, Jurnal *Al-Aḥwāl*, Vol. 14, No. 1, 2021 M/1442 H.
- Aldil Nuari. *Kahwin Beza Agama Dalam Pandangan Yusuf Al-Qardhawi*, Tesis: Program Pascasarjana (PPS) Universitas Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim Riau 1442 H/2020 M.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Internasional Law Book Services.
- Aulil Amri. *Perkawinan Beda Agama Menurut Hukum Positif dan Hukum Islam*, Media Syari'ah, Vol. 22, No. 1. 2020.
- Azhani Arshad, Rozlinda Abdullah dan Syuhaeda Aeni Mat Ali. *Kitabiyah Dalam Perkahwinan Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 34(2), 261-276. [http://doi.org.10.37052/kanun.34\(2\)no4](http://doi.org.10.37052/kanun.34(2)no4). Julai, 2022.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahih al-Bukhari*. Penerbit Sulaiman Mar'i, t.th.
- Bustomi Arisandi, Junaidi, Moh. Sholeh. *Implikasi Tafsir Ayat Kawin dan Waris Beda Agama Perspektif Islam Liberal*, al-Thiqah : Jurnal Ilmu Keislaman Vol. 4 No. 1 April. 2021.
- Himpunan Peraturan Perundang-undangan Yang Berkaitan Dengan Kompilasi Hukum Islam dengan Pengertian Dalam Pembahasan, Perpustakaan Nasional RI: Data Katalog Dalam Terbitan (KDT), 2011.
- Hukum Perkahwinan Dengan Kitabiyah*. 2011. Accessed 18 June, 2023. <https://www.muftiselangor.gov.my/en/annual-fatwa/result/2010/571-hukum-perkahwinan-dengan-kitabiah>
- Ibn Hajar al-Asqalani. *al-Ishābah fī Tamyiz al-Ṣaḥābah*. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, Cet. I, 1995.
- Ibnudin, *Pandangan Perkawinan Beza Agama Antara Majelis Ulama Indonesia (MUI) Dan Jaringan Islam Liberal (JIL)*, Jurnal Risaalah Fakultas Agama Islam Universitas Wiralodra Indramayu, Vol . 1 , No. 1, Desember, 2015.
- Iffah Muzammil. *Telaah Gagasan Paramadina tentang Pernikahan Beda Agama*, Jurnal Islamica: Jurnal Studi Keislaman, Vol 1 No. 2, 2016.
- Imam Nawawi. *Tafsir al-Munir*, Juz I, Semarang: Usaha Keluarga, t.th.
- Isnawati, *Pernikahan Beda Agama dalam Al-Qur'an*, Jakarta: Rumah Fiqih Publishing 2019,
- Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia. Kementrian Agama RI Direktorat Jendral Bimbingan Masyarakat Islam Direktorat Bina KUA dan Keluarga Sakinah tahun, 2018.
- Muhammad Salam Madkur, Muhammad Salam. *Manahij al-ijtihad fi al-Islam*, Kuwayt: Jami'ah al-Kuwayt, 1972.
- Masjfuk Zuhdi. *Masail Fikihiyah*, Jakarta: Toko Gunung Agung, cet. ke-10, 1997.

- M Galib, M. *Ahl al-Kitab Makna dan Cakupannya*. Jakarta: Paramadina, 1998.
- Muhammad Atho Mudzhar, *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam Di 1975-1988*, Jakarta INIS , 1993.
- Muhammad Rasyid Ridha. *Tafsir Al-Manar*. Beirut: Dar alKutub al-Ilmiyyah, 1947.
- Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Manar*, Juzuk vi. Kairo: Dar al-Manar 1367 H, Jilid 6. : 187-188; h. 190 dan 193 dalam jurnal Abdul Jalil, Perkahwinan Beza Agama Dalam Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Positif Di Indonesia, *Andragogi Jurnal Diklat Teknis* Volume: VI No. 2 Juli – Desember, 2018.
- Nusantara, Accessed June 17, 2023. <https://id.wikipedia.org/wiki/Nusantara#:~:text=Dalam%20arti%20yang%20lebih%20luas,%E2%81%A0%E2%80%94tidak%20termasuk%20Papua%20Nugini.>
- PA (Pengadilan Agama) Probolinggo (2022), *Mahkamah Agung Republik Indonesia Direktorat Jendral Badan Peradilan Agama*, Accessed June 18, 2023. <https://badilag.mahkamahagung.go.id/artikel/publikasi/artikel/nadzirotus-sintya-falady-s-h-cpns-analis-perkara-peradilan-calon-hakim-2021-pengadilan-agama-probolinggo.>
- Al-Qurtubi, Abi 'Abdi Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr, *al-Jami' li ahkam al-Quran*, Juzuk 3. Damashiq: Dār al-Risālah al-'Ālamīyah, 2012.
- Al-Qurtubi, Abi 'Abdi Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr, *Tafsir Al-Qurtubi*. Jakarta: Pustaka Azam 2007.
- Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*. Bandung: PT Al Ma'arif, 1980.
- Al-Shafi'I, Abi Abdillah Muhammad bin Idris, *al-Umm*. Juzuk iv. Baghdad : Dar al-fikr, 1990.
- Sri Wahyuni, M.Ag., M.Hum. *Kontroversi Perkawinan Beda Agama Di Indonesia*, kertas kerja Fak. Syariah UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta
- Sulaiman Ahmad dan Yahya Al-Faifi. *Ringkasan Fikih Sunnah Sayyid Sabiq*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2009.
- Wahbah Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Penerjemah Abdul Hayyie dkk, *Fikih Islam Wa Adillatuhu*, Juzuk 9. Jakarta: Gema Insani, 2011.
- Tim Redaksi Nuansa Aulia. *Kompilasi Hukum Islam*. Bandung: Nuansa Aulia 2011.